



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## [LITERARY HIGHLIGHTS ANALYSIS FOR FEMALE BLOOD STUDIES]

### ANALISIS SOROTAN LITERATUR BAGI KAJIAN DARAH WANITA

HANNAN FATINI MD RESHAD<sup>1</sup>  
SITI KHATIJAH ISMAIL<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author: [khatijah@unisza.edu.my](mailto:khatijah@unisza.edu.my)

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

#### **Abstract**

*This article aims to highlight the determinants of menstrual cycles. Menstruation is the nature created by Allah Almighty on women. In general, each woman experiences her own menstrual cycle which may reflect their health status. However, there are women who are still confused and unclear about their menstruation when the irregular menstrual cycle occurs. This also leads to misunderstandings in the legalization of certain worship when the menstrual cycle occurs abnormally. Therefore, this article aims to highlight previous studies related to women's blood. This study was qualitative using content analysis methods that highlighted previous studies on women's blood. The results show that most of the studies done by ancient or contemporary scholars touch on women's blood. Based on the literature, it is found that the systematic calculation method is still poorly implemented and the level of public understanding of the calculations is still unclear. Therefore, the right method of calculation is very important in assisting women in determining menstruation.*

**Keywords:** *Haid, menstrual cycles.*

#### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan menyorot penentuan kiraan haid menurut syarak. Haid merupakan fitrah yang dicipta oleh Allah SWT ke atas wanita. Secara umumnya, setiap wanita mengalami kitaran haid tersendiri yang boleh menggambarkan tahap kesihatan mereka. Meskipun begitu, terdapat wanita yang masih keliru dan kurang jelas tentang haid mereka apabila kitaran haid yang tidak teratur berlaku. Hal ini turut membawa kepada kekeliruan dalam penentuan hukum sesetengah ibadat apabila kitaran menstruasi berlaku secara tidak normal. Oleh itu, artikel ini bertujuan menyorot kajian-kajian lepas berkaitan dengan darah wanita. Kajian ini bersifat kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan yang menyorot kajian-kajian lepas berkaitan darah wanita. Hasil sorotan mendapati bahawa, kebanyakan kajian yang dilakukan oleh ulama silam mahupun kontemporari menyentuh berkaitan darah wanita. Berdasarkan literatur yang dijalankan mendapati cara perkiraan yang sistematik masih kurang dijalankan dan tahap kefahaman

masyarakat terhadap perkiraan masih keliru. Justeru, kaedah perkiraan yang betul sangat penting dalam membantu wanita dalam menentukan haid.

**Kata kunci:** Haid, Istihadah.

**Cite as:** Hannan Fatini Md Reshad & Siti Khadijah Ismail. 2020. Analisis Sorotan Literatur Bagi Kajian Darah Wanita. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 227-234

## PENGENALAN

Wanita mempunyai kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT kerana mempunyai kitaran haid yang menunjukkan kesihatan tahap kesuburan. Namun pada era modenisasi ini, semakin ramai yang mengabaikan. Kebanyakan wanita yang mengalami keluar darah, beranggapan bahawa darah yang keluar merupakan haid, dan apabila tempoh yang melebihi 15 hari dianggap darah istihadah, walhal ianya mungkin berlaku sebaliknya. Kekeliruan ini memberi kesan kepada ibadah seseorang wanita itu termasuklah solat, puasa, iddah, dan talak. Justeru itu, kajian ini merungkai persoalan yang sering dialami oleh wanita kerana hukum syarak bermatlamat untuk menjaga kemaslahatan manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Allah SWT berfirman dalam surah yang berbunyi: “Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”(QS Al-Baqarah (2): 222).

Permasalahan fiqh wanita khusus permasalahan haid dan istihadah sering menjadi perbincangan ulama sama ada ulama silam atau kontemporari. Permasalahan ini juga melibatkan golongan remaja samada di peringkat sekolah, pengajian tinggi dan juga dalam kalangan masyarakat awam. Kajian Noraini Ismail (2016), menunjukkan majoriti hasil kajian 51.57% kurang jelas dan masih keliru berkaitan dengan haid dan istiadah dari segi perkiraan, tempoh minumun haid iaitu 24 jam dan sebagainya. Menurut Mansoor Ismail (2010) pada masa kini, kebanyakan wanita memandang enteng dan mengambil mudah terhadap masalah yang dihadapi serta mengagak-agak bahawa darah yang keluar itu ialah haid dan tempoh terlebih sedikit ianya dikatakan istihadah, sedangkan ianya perlu penelitian yang teliti dan perkiraan yang betul. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Abu Usamah Hanafiah Hussein (2019) yang menyatakan permasalahan ini diabaikan oleh seantero muslim zaman kini baik lelaki mahupun wanita. Sedangkan Imam Nawawi di dalam kitab Majmu’ menukilkan bahawa bab haid merupakan antara bab yang susah dan rumit. Bahkan berlaku banyak kesalahan yang dilakukan oleh ulama-ulama besar kerana ianya sangat halus permasalahannya.

Selain itu, terdapat banyak kajian berkaitan fiqh wanita. Namun kajian yang berkaitan cara perkiraan darah wanita kurang dijalankan, yang mana memudahkan masyarakat khususnya

wanita mengklasifikasikan atau mengenalpasti darah yang keluar sama ada haid, nifas atau istihadah. Justeru itu, kajian yang dikaji ini bertujuan untuk memperkenalkan kaedah penentuan jenis darah. Semoga pendekatan yang diambil ini dapat menjawab kekeliruan masyarakat serta menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

## PERMASALAHAN HAID DAN ISTIADAH

Haid dari segi bahasa menurut Abdul Karim Zaidan (2000); Mustafa al-Bugha (1996), ialah سيلان yang membawa maksud mengalir iaitu memberi pokok yang mengalir getahnya atau banjir kerana orang Arab menyebutnya sebagai had al wadi apabila sesuatu tempat atau lembah menjadi banjir (Muhammad Al- Zahili, 2011). Hal ini membawa pengertian simbolik kepada makna haid iaitu apabila haid mengalir.

Ulama Fuqaha berbeza pendapat dalam mendefinisikan haid dari sudut syarak. Menurut mazhab Hanafi, haid adalah darah yang keluar dari rahim wanita dalam keadaan sihat tubuh badan ketika dewasa. Menurut mazhab Maliki pula, darah kekuningaan atau kepekatan yang keluar secara semulajadi dari alat sulit wanita ketika berumur yang kebiasaan melahirkan anak. Seterusnya menurut mazhab Syafi'i, haid membawa maksud darah yang keluar dari pangkal faraj wanita yang sihat secara semulajadi bukan untuk melahirkan anak pada tempoh tertentu. Menurut mazhab Hambali, haid adalah darah tabii yang keluar dari pangkal rahim yang dalam keadaan sihat bukan untuk melahirkan anak pada tempoh tertentu (Ibrahim bin Muhammad, 1276; Zakaria Muhammad, 1997).

Berdasarkan pengertian di atas, para fuqaha menyimpulkan bahawa haid adalah perkara tabii iaitu darah semula jadi yang keluar dari pangkal rahim wanita dalam keadaan sihat yang mencapai umur baligh pada waktu-waktu tertentu (Mustafa al-Bugha, 1996: 79; Abdul Karim Zaidan, 2000; Mustafa al-Bugha, 1996: 79; Muhammad Al- Zahili, 2011 : 115). Perkara ini merupakan tanda bagi seorang perempuan itu mencapai umur baligh (Zakaria Muhammad, 1997).

Istihadah ialah darah yang keluar bukan dalam tempoh haid dan nifas disebabkan oleh penyakit atau kerosakan urat di dalam rahim yang dikenali sebagai 'adzil. Wanita yang mengalami darah ini wajib menunaikan solat serta berpuasa tetapi perlu memperbaharui wudhu' setiap kali solat (Mustafa al-Bugha, 1996: 79). Wanita dalam keadaan ini dipanggil juga sebagai mustahadhah (Ibrahim bin Muhammad, 1276; Nuruddin, 2011).

## TEMPOH HAID

Menurut Abu Hanifah dan al-Suri, tempoh minimum adalah tiga hari dan tempoh maksimum adalah 10 hari. Berkata as-Syafie dan Ahmad, tempoh minimum haid adalah sehari semalam dan tempoh maksimum haid adalah 15 hari. Manakala bagi Imam Malik tiada had minimum haid dan tiada had bagi maksimum perempuan mengikut adat perempuan (Muhamad Ali Al Sobuni, 1930; Abdul Rahman Jaziri, 2003).

Penetapan tempoh haid adalah berdasarkan kepada kaedah Istiqra' (memeriksa dan bertanya dengan penuh penelitian) yang ditentukan secara qat'i menurut syarak, dengan merujuk adat kebiasaan wanita (Muhammad al- Zahili, 2011 : 115). Tempoh bagi kebiasaan haid adalah enam atau tujuh hari (Muhammad Nuruddin, 2011).

Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW: Maksudnya: "Setelah kamu kedatangan haid selama enam atau tujuh hari seperti dalam pengetahuan Allah maka hendaklah kamu mandi. Apabila kamu mendapati bahawa kamu telah suci dan bersih, maka tunaikanlah solat dalam masa 24 malam atau 23 malam dan berpuasalah. Sesungguhnya yang demikian itu, memadai bagimu. Dan demikianlah hendaknya kamu lakukan pada setiap bulan sebagaimana wanita-wanita lain yang kedatangan haid dan sebagaimana mereka suci pada tempoh haid dan tempoh suci mereka" (Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)

Tempoh maksimum haid ialah selama 15 hari berserta malamnya walaupun tidak secara konsisten iaitu kadar keseluruhannya mencapai sehari semalam. Menurut jumhur ulama, tempoh sekurang-kurang haid adalah sehari semalam dan paling lama adalah 15 hari. Dari segi bahasa dan syarak, ianya tidaklah dinyatakan secara terperinci, tetapi perlu berpegang kepada uruf dan adat (Taqiyudin Abi Bakar Muhammad, 1991: 75).

Fuqaha Syafi'i berpendapat bahawa jika seorang wanita kedatangan haid pada luar adat kebiasaan iaitu melebihi 15 hari atau kurang daripada 24 jam, maka ianya tidak dikira sebagai haid. Darah yang lebih atau kurang dari tempoh itu merupakan darah istihadah. Dalam keadaan ini wajib ke atas perempuan tersebut untuk melakukan ibadah (Ibrahim Ali, 2015:22).

Tempoh suci yang memisahkan antara dua haid sekurang-kurangnya 15 hari. Ini merupakan jumhur ulama dari kalangan Fuqaha Maliki, Syafi'i dan Hanafi kerana tempoh paling lama ialah 15 hari maka semestinya sekurang-kurang tempoh suci adalah 15 hari. Manakala mazhab Hambali berpendapat sekurang-kurangnya 13 hari (Ibnu Qudamah, 1984: 347).

## KATEGORI WANITA BERISTIHADAH (MUSTAHADAH)

Para ulama telah mengkategorikan wanita yang mengalami istihadah kepada tujuh kategori iaitu:

- 1) Al-Mubtada'ah al-Mumayyazah iaitu wanita baru pertama kali mengalami haid sesudah baligh dan dapat membezakan warna darah samaada ianya kuat atau lemah. Sekiranya didapati darah yang kuat, maka dikategorikan sebagai darah haid dengan syarat menepati tempoh minimum haid atau dalam tempoh maksimum haid, sebaliknya sekiranya didapati darah yang lemah, maka dikategorikan darah istihadah dengan syarat warna yang lemah itu kurang daripada tempoh minimum haid dan melebihi tempoh maksimum haid (Bakir Muhammad Rasyim, 1988).
- 2) Al- Mubtada'ah ghairu Mumaiyizah iaitu wanita yang baru pertama kali mengalami haid, sesudah baligh namun tidak dapat membezakan warna darah.
- 3) Al- Mu'tadah Mumaiyizah zakirah al-waktu wal qadar iaitu wanita yang sudah biasa mengalami haid sesudah baligh dan dapat membezakannya iaitu ingat waktu keluar dan kadar darah).
- 4) Al-Mu'tadah ghairu Mumaiyizah zakirah al-adat qadran wa waktan iaitu wanita yang sudah biasa mengalami haid dan tidak dapat membezakannya.
- 5) Al-Mu'tadah ghairu zakirah li adat kadran wa nissyah waktan iaitu wanita yang biasa kedatangan haid tetapi hanya mengingat kadar darah dan tidak mengingat waktu kebiasaannya.

- 6) Al-Mu'tadah ghairu mumaiyizah zakirah adat wa waktan wa nisyahqadran iaitu wanita yang biasa kedatangan haid tetapi hanya mengingati waktu keluar darah dan lupa kadar kebiasaannya.
  - 7) Al-Mu'tadah ghairu mumaiyizah nasiah li adat qadran wa waktan iaitu wanita yang biasa kedatangan haid tetapi tidak dapat membezakannya kerana lupa waktu keluar dan kadar darah.
- Kaedah penentuan status darah adalah berbeza mengikut kategorinya dan memerlukan suatu kaedah bagi memudahkan wanita memahaminya.

## KAJIAN BERKAITAN DENGAN DARAH WANITA

Kajian berkaitan dengan darah yang dikaji oleh Andek Masnah Andek Kelewa (1992), yang bertajuk Haid dan Hukumnya. Kajian ini juga menyentuh bab istihadah iaitu cara mengenalpasti dan larangan ketika istihadah. Satu pembaharuan kajian yang dibuat oleh Lutfi Rahmatullah (2013) bahawa, haid merupakan sifat semulajadi dan menjadi kebiasaan bagi wanita dan boleh melakukan amalan khusus walaupun berhadass besar. Seterusnya, kajian menjelaskan hukum darah wanita termasuklah haid, istihadah dan nifas yang sangat terperinci oleh Mansoor Ismail (2010). Kajian ini juga mendatangkan contoh situasi yang berbeza yang kebiasaan berlaku dalam kalangan wanita bagi memudahkan masyarakat memahami. Kajian yang dikaji oleh Siti Fatimah Salleh (2018) membawa pendekatan berkaitan Kanotasi Haid menurut perspektif Perubatan dan Al-Quran. Kajian merumuskan hubungkait perspektif Fuqaha, Mufasssirin dan Sains dari sudut ciptaan darah wanita yang menunjukkan perkaitan antara keduanya.

Seterusnya, kajian Permasalahan Thaharah Fiqh Darah- Darah Wanita Masa Kini yang dikaji oleh NorKartina Tawang dan Basri Ibrahim (2015) iaitu permasalahan yang sering berlaku kepada wanita ketika haid dengan mengambil mudah akan hukumNya. Pada tahun 2016, pengkaji yang sama turut membincangkan tentang, Amalan Pengurusan Darah Wanita Menurut Perspektif Islam iaitu memfokuskan rutin pengurusan darah –darah wanita sama ada sebelum, semasa dan selepas kedatangan haid serta menjelaskan pandangan ulama tentang konsep hukum darah wanita tersebut (Kartina Tawang, Basri Ibrahim, 2016).

Selain itu, pembaharuan yang dibawa oleh Anisah Abdul Ghani (2014) yang mengkaitkan perbincangan darah wanita menurut Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan. kajian ini malah memberi panduan dalam menjelaskan konsep dan pengenalan yang padat tentang jenis darah dan perbezaannya. Kajian yang sama kaedah, tetapi fokus yang berlainan iaitu Pengurusan istihadah menurut fiqh Islam dan perubatan oleh Saharah Ahmad (2018). Kajian yang dikaji ini membentuk satu modul pengurusan istihadah bagi wanita yang mengalaminya. Selain itu, pengkaji Nur Anmadayana (2016), mengkaji berkaitan haid yang mengambilkira daripada perspektif sains dan maqasid Syariah. Kajian yang dibuat ini menghubungkan maqasid dan perubatan untuk melihat sejauh mana keterikatan dan hubungkait antara keduanya.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Mohammad Naqib (2015) iaitu Kesan Perkembangan Sains dan Teknologi kepada Perubahan Ijtihad Fiqh: Analisis Terhadap Tempoh Maksimum Kehamilan dan Darah Haid Perempuan Mengandung. Pada akhir kajian ini mencadangkan agar perlunya penilaian semula beberapa fatwa fuqaha yang klasik yang bertentangan dengan fakta sains. Satu kajian yang berkaitan manipulasi haid telah dikaji oleh

Bagus Tri Hartono (2017) yang mengkaji perbandingan pemikiran antara imam Malik dan Yusuf Qardhawi.

Seterusnya Maznah Ismail (1997) mengkaji berkaitan Cadangan Remaja Perempuan Mengenai Persediaan Untuk Menghadapi Haid pada peringkat awal. Kajian ini mendapati bahawa pentingnya pendidikan dan persediaan awal bagi menghadapi haid pada peringkat awal. Berbeza dengan kajian yang dibuat oleh Rima Asmarani (2010) iaitu kajian mengetahui sejauh mana pengaruh kitaran haid dengan latihan terhadap atlet sukan. Kajian ini mendapati bahawa kedatangan haid memberi kesan kepada prestasi fizikal atlet sukan.

## **KAEDAH PENENTUAN STATUS DARAH**

Sorotan berkaitan kajian kaedah penentuan status darah yang dikaji oleh Riri Tarna Utami (2015) iaitu Pengembangan aplikasi pengenalan fiqh darah wanita dengan menggunakan sistem multimedia. Kajian ini dibuat bagi memudahkan orang ramai mengenali darah wanita dengan menggunakan aplikasi media. Aplikasi media ini menggunakan perkara-perkara fikih wanita dari hukum, dalil-dalil dan lain-lain. Ini dapat membantu masyarakat dalam memahami fiqh wanita semasa. Selain itu kajian untuk meningkatkan kefahaman dalam permasalahan darah wanita serta kaedah tempoh perkiraan haid dan tempoh suci telah dikaji oleh Noraini Ismail (2016) iaitu Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan di Uitm Cawangan Perlis. Kajian ini mencadangkan agar perlunya ada tindakan yang membolehkan masyarakat mampu mengenalpasti status darah yang dialami agar mudah menentukannya.

## **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian literatur yang dikaji, menunjukkan kajian berkaitan haid, istihadah dan nifas sangat luas skop perbincangan. Dalam permasalahan darah wanita, para fuqaha banyak memfokuskan kepada sifat-sifat darah, ciri-ciri darah, tempoh dan hukum-hukum yang berkaitan dengan syarak. Terdapat dua kajian yang menyentuh berkaitan penentuan status darah sedangkan kaedah mengenalpasti penentuan ini sangat penting kerana berkaitan rapat dengan pelaksanaan ibadah seseorang. Kajian ini mencadangkan agar perlunya kajian berkaitan pengategorian darah wanita menurut fiqh dan sains perubatan yang memerlukan penelitian teliti serta perlu memahami dengan jelas dan mendalam. Ini dapat membantu menyelesaikan permasalahan serta kekeliruan dikalangan masyarakat. Kajian ini juga untuk melihat kesan daripada kefahaman tentang haid dan istihadah yang betul sehingga dapat melaksanakan ibadah dengan yakin dan sempurna. Hasil kajian ini akan menjadi satu inisiatif awal kepada penyelidik untuk merumuskan kaedah penentuan darah wanita. Justeru, permasalahan berkaitan dengan haid merupakan isu yang relevan untuk dikaji supaya dapat merungkai segala kekeliruan yang timbul dalam kalangan wanita.

## RUJUKAN

- Ibrahim Ali. (2015:22). *Kitab Tanbih Fi Fiqh As-Syafie*. Shaqafi: Markaz Al-Khidmah.
- Nur Anmadayana Hayim. et.al. (2016). Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah. *UKM sains Malaysiana* 45(12).
- Abdul Karim Zaidan . (2000). *Al Mufasal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Baitul al-Muslim fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Al-Resalah.
- Abdul Rahman Jaziri. (2003). *Kitab ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutubal-Ilmiah.
- Abu Usamah Hanafiah bin Hussein. (2019). *Soal Jawab Fiqh Darah Wanita Kupasan Tuntas dari Perspektif Mazhab Syafi'i*. Kaherah: Markaz ad-Dirasat al-Islamiyyah.
- Andek Masnah Andek Kelewa. (1992). Haid dan Hukumnya: Perbandingan daripada Hukum Syarak. *Islamiyyat* 13, 21-36.
- Bagus Tri Hartono. (2017). Tinjauan Hukum Islam Terhadap Manipulasi Menstruasi Dalam Masa Iddah (Telaah Perbandingan Pemikiran Yusuf Qardhawi Dan Imam Malik Bin Anas). 16.
- Bakir Muhammad Rasyim. (1988). *An-Nibras fi Ahkam al-Haid wa Nifas*. Jazair: Matba' Taqniah al-Wan.
- Ghani, A. A. (2014). *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Ibnu Qudamah. (1984: 347). *Al-Mughni al-Sharh Al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim bin Muhammad. (1276). *Hasyiyah al-Bajuri ala Syarah al-Alamah Ibnu Qasim al-Qazi ala Matan Abi Syuja'*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Kartina Tawang, Basri Ibrahim. (2016). Amalan Pengurusan Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. . *Jurnal Islam Masyarakat Kontemporari*.
- Lutfi Rahmatullah. (2013). Haid (menstruasi) Dalam Tinjauan Hadis. . 23-27.
- Malini Mat Napes et.al. (2013). Prevalence and Associated Factors of Sexual Dysfunction in Malaysian Menopausal. *Sains Malaysiana* 42(7), 1011-1017.
- Mansoor Ismail . (2010). Tuhfatul 'Aizza' Fi Idhoil Masail Dima in Nisaa'. Petaling Jaya: Miftahul Ulum.
- Maznah Ismail. (1997). Cadangan Remaja Perempuan Mengenai Persediaan Untuk Menghadapi Haid Haid. 45.
- Mohammad Naqib Hamdan et.al. (2015). Kesan Perkembangan Sains dan Teknologi kepada Perubahan Ijtihad Fiqh: Analisis Terhadap Tempoh Maksimum Kehamilan dan Darah Haid Perempuan Mengandung. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis).
- Muhammad al- Zahili. (2011 : 115). *Al-Mu'tamad fi Fiqh as-Syafi'i*. Damsyik: Darul Kalam.
- Muhammad Ali Shabuni. (2008). *Tafsir Ayat Ahkam minal Quran*. Mekah: Darul As Sabuni.
- Mustafa al-Bugha. (1996: 79). *Fiqh al-Manhaj ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Damsyik: Darul Ulum Insaniah.
- Nor Kartina Tawang & Basri Ibrahim. (2015). Permasalahan Thaharah: Fiqh Darah- Darah Wanita Masa Kini. International Conference on Empowering Islamic Civilization.
- Noraini Ismail. (2016). Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan Di Uitm Cawangan Perlis. 3rd International Conferences on Arabic Studies and Islamic Civilization, 268.
- Noraini Ismail et.al. (2016). Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah: (Permasalahan Darah

- Wanita): Tinjauan di UITM Cawangan Perlis. 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. Akademi pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Nuruddin, M. (2011). *Darah-Darah Haid, Nifas & Istihadhah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru. Sdn. Bhd.
- Rima Asmarani. (2010). Pengaruh Olahraga Terhadap Siklus Haid Atlit. 2.
- Riri Ratna Utami. (2015). Pengembangan aplikasi pengenalan fiqh darah wanita dengan menggunakan sistem multimedia.
- Saharah Ahmad Mahdi et.al. (2018). Pengurusan istihadah menurut fiqh Islam dan perubatan. *Asian People Journal*.
- Sheikh Muhammad Ali Sabuni. (2007). Tafsir Ayat Ahkam minal Quran. Mekah: Darul Sabuni.
- Siti Ftaimah Salleh e.t al. (2018). Konotasi Darah Haid Menurut Perspektif Perubatan dan Al-Quran. Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari .
- Taqiyudin Abi Bakar Muhammad. (1991: 75). *Kifayah Al-Akyar Fil Hal Al-Ikhtisar*. Beirut: Darul Khair.
- Wahbah al-Zuhaily. (2010 : 727). *Al-Fiqh Islami Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zakaria Muhammad. (1997). *Manhaj At-Thulab Fi Fiqh Al Imam As-Syafie*. Beirut: Darul Kutub Al-Ilmiyah.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. (22, Januari 2015). Irsyad Fatwa ke-20: Hikmah Larangan Persetubuhan Ketika Haid. Retrieved from Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan:<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2059-20>